



# SAVECOST<sup>TM</sup>

**BUSINESS DEVELOPMENT  
AND TECHNICAL**

**ACADEMY**



# SAVECOST™

## BUSINESS DEVELOPMENT AND TECHNICAL ACADEMY

### PUSAT AKADEMI

SaveCost Business Development & Technical Academy atau ringkasnya SBTA ialah sebuah pusat latihan yang dimiliki penuh oleh Layar Metro Holdings Sdn. Bhd., sebuah organisasi yang terkemuka dalam bidang aksesori automotif. SBTA merupakan satu-satunya akademi yang menawarkan latihan keusahawanan dan teknikal khususnya dalam bidang aksesori automotif.

SBTA terletak di bandaraya Alor Star, Kedah Darul Aman. Akademi ini juga terletak berhampiran dengan Terminal Bas Shahab Perdana (2km dari akademi) serta Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star, iaitu kira-kira 10km dari lokasi akademi. Manakala, stesen kereta-  
tapi terdekat berada di pusat bandar Alor Star.

Demi Memastikan semua pelajar di SBTA dapat memperolehi hasil pembelajaran yang tinggi, SBTA telah menyediakan faksiliti/kemudahan seperti berikut:

- a) Bilik syarahan dan bengkel yang berhawa dingin serta dilengkapi dengan peralatan yang terkini.
- b) Bilik sumber rujukan yang dilengkapi dengan komputer dan perkhidmatan internet.
- c) Tempat *Latihan Di Tempat Kerja* (on-job-training) yang menarik.
- d) Tenaga pengajar yang berkualiti dan berpengalaman.
- e) Seminar Motivasi yang diceramah oleh ahli korporat yang terkemuka.
- f) Perkhidmatan kaunseling kerjaya.

### VISI

Menjadi sebuah akademi penjana dan pengaplikasian ilmu teknologi yang berinovatif serta peneraju kepada pembangunan modal insan yang berketrampilan, progresif, dan bertanggung-jawab yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan masyarakat dan negara.

### MISI

Melahirkan tenaga kerja mahir atau "*k-worker*" yang berwibawa dan kemahiran tinggi yang bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal dan teknologi malah berkeupayaan untuk mengadaptasikan kemahiran tersebut di setiap lapisan operasi perniagaan di peringkat antarabangsa dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan dan kekayaan negara.

## OBJEKTIF

- a) Membuka peluang pembelajaran, pekerjaan dan perniagaan kepada mereka yang ...
  - i) Lemah dalam pencapaian akademik
  - ii) Menganggur / inginkan kemajuan dalam pekerjaan
  - iii) Tidak mempunyai modal pembangunan perniagaan
- b) Mengilap bakat dan potensi pelajar bagi melahirkan ahli keusahawan yang berwibawa dan berkeyakinan yang dicernakan dari kurikulum pengajian yang ditawarkan untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa.
- c) Menyediakan tenaga kerja mahir yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan dimantapkan dengan ciri-ciri peribadi yang berakhlak mulia dan etika kerja yang positif.
- d) Melahirkan graduan yang berfikiran kritikal dan peka terhadap perubahan semasa dalam isu teknikal dan pengurusan.
- e) Memastikan kandungan kursus yang ditawarkan mempunyai fokus terkini dan teknik-teknik semasa yang menepati kepada keperluan semasa dan masa hadapan.
- f) Menyediakan peluang untuk belajar dalam kerjaya profesional melalui kursus pengajian yang intensif dan berkualiti tinggi.
- g) Menyediakan laluan kerjaya dan peluang pekerjaan yang menarik dan terjamin kepada graduan.

## FALSAFAH KURIKULUM

Falsafah kursus pengajian di SBTA adalah berteraskan kepada keseimbangan di antara teori dan praktikal dengan melahirkan sekumpulan usahawan dan tenaga kerja mahir dalam bidang aksesori automotif demi memenuhi keperluan negara.

## KELEBIHAN PROGRAM

100% jaminan  
peluang pekerjaan  
(melebihi RM 2500  
sebulan)

Peluang menjadi  
Francaisi aksesori  
automotif  
(\*Pinjaman Modal)

Pembelajaran menekankan  
kaedah praktikal

Yuran tidak  
membebankan  
(\*Penawaran biasiswa)

Kelayakan  
kemasukan rendah

Terbuka kepada semua  
masyarakat Malaysia

Tempoh pembelajaran  
pendek (1 tahun)

\* perlu memenuhi syarat

## PROGRAM YANG DITAWARKAN

- a) Sijil Pemasangan Aksesori Automotif (Tahap 1 & 2)
- b) Sijil Pemasangan Aksesori Automotif (Tahap 3)

## TEMPOH PEMBELAJARAN

- a) Tahap 1 & 2 (1 tahun)
- b) Tahap 3 (1 tahun)

## BAHASA PENGAJARAN

Bahasa Malaysia

## CIRI-CIRI PROGRAM

Syarah kelas dan latihan amali di bengkel + Latihan Di Tempat Kerja Sebenar (on-job-training) yang diatur oleh SBTA.

## SYARAT KEMASUKAN

BIL.	PROGRAM PENGAJIAN	KELAYAKAN MINIMUM
		Syarat Am Akademi dan Syarat Khas Program
1.	Sijil Pemasangan Aksesori Automotif (Tahap 1 & 2)	Warganegara Malaysia dan Umur 18 tahun dan ke atas dan Mempunyai kebolehan membaca dan menulis atau (Jika ada) Lulus Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya. atau (Jika ada) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya. atau (Jika ada) Lain-lain kelayakan akademik yang diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh pihak Akademi.
2.	Sijil Pemasangan Aksesori Automotif (Tahap 3)	Warganegara Malaysia dan Umur 18 tahun dan ke atas dan Mendapat Sijil Pemasangan Aksesori Automotif (Tahap 1) dan (Tahap 2) dan Lulus penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya. atau Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya. atau Lain-lain kelayakan akademik yang diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh pihak Akademi.

# **SINOPSIS PENGAJIAN**

## **a) 30% teori**

- Pengurusan Peruncitan dan Francais
- Keusahawanan
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Operasi dan Pemasaran
- Pengurusan Sumber Manusia
- Aplikasi Teknologi Maklumat dalam Perniagaan
- Pertubuhan dan Pembangunan Perniagaan
- English Communication

## **b) 70% Praktikal**

- Latihan amali di bengkel
  - Teknik pemasangan aksesori automotif
  - Reka bentuk aksesori automotif
- Kajian kes
  - Penyelidikan dan pengubahsuaian
- Latihan di tempat kerja
- Seminar Motivasi

Secara umumnya, program-program yang ditawarkan oleh SBTA cuba merealisasikan konsep keusahawanan dalam teknologi aksesori automotif. Ini dilakukan dengan penglibatan pengajaran teknikal yang digabung dengan ilmu keusahawanan agar dapat diterjemahkan aktiviti pemasangan aksesori automotif kepada suatu perniagaan. Oleh itu, program-program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menerokai teknologi aksesori automotif dan juga mengamalkan prinsip keusahawanan yang berkompeten tinggi dari segi: -

## **a) Kemahiran Teknikal**

Melalui latihan amali di bengkel, pelajar akan diajar dengan pelbagai jenis teknik pemasangan, baik pulih serta pengubahsuaian aksesori automotif yang sebenar.

## **b) Kemahiran Pengurusan Perniagaan**

Kurikulum pengajian yang berorientasikan kepada ilmu teknikal serta pengurusan dari aspek keusahawanan, pemasaran, dan operasi francais dapat memberi peluang kepada graduan sama ada melibatkan diri dalam bidang keusahawanan atau bekerja dengan industri lain yang berkaitan.

## **c) Kemahiran Menyelesaikan Masalah**

Melalui Latihan Di Tempat Kerja, pelajar berpeluang untuk mengadaptasikan pembelajaran ke alam pekerjaan sebenar serta terdedah kepada masalah-masalah praktikal yang timbul. Masalah tersebut dapat merangsangkan mereka menjadi seorang penyumbang idea utama dalam penyelesaian masalah kepada organisasi.

# **KERJAYA MASA DEPAN**

Selepas tamat pengajian, graduan boleh menyandang jawatan seperti berikut: -

- a) Francaisi aksesori automotif
- b) Pengurus Cawangan
- c) Penyelia Juruteknik

# LATAR BELAKANG LAYAR METRO HOLDINGS SDN. BHD.

Layar Metro Holdings Sdn. Bhd. ialah sebuah organisasi yang berkembang pesat dengan memiliki 15 buah anak syarikat, perniagaan yang dijalankan merangkumi operasi francais, import dan eksport produk, pembekal, pengilang, perusahaan, peruncitan dan lain-lain aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan aksesori automotif.

## LEMBAGA PENGARAH LAYAR METRO HOLDINGS SDN. BHD.



Y.A.M Dato' Seri Syed Badlishah  
ibni Tuanika Syed Putra Jamalullail

Group Chairman



Yang Berbahagia Tan Sri  
Datuk Adzmi Abdul Wahab

Chairman  
of  
Save Cost



Dato' Chia Beng Tat

Group  
Managing Director

## Subsidiari Syarikat


Prima Sri Maju Acc. & Air-Cond Sdn. Bhd.  
Micro Compressor International Sdn. Bhd.  
Micro Compressor (M) Sdn. Bhd.  
Save Cost Auto Accessories Sdn. Bhd.  
Gorgeous Heritage Genuine Leather (M) Sdn. Bhd.  
Gorgeous Terrace Sdn. Bhd.  
Gorgeous Liberty Sdn. Bhd.  
Gorgeous Design Sdn. Bhd.

Cergas Metro Resources Sdn. Bhd.  
MC Styling Sdn. Bhd.  
Layar Maya Sdn. Bhd.  
ASTA3000 (S.E.A.) Sdn. Bhd.  
Storm Jacker (M) Sdn. Bhd.  
NZ Sound and Accesories Sdn. Bhd.  
Inspired Freedom Sdn. Bhd.

## ANUGERAH



## LOKASI SBTA



### SAVECOST BUSINESS DEVELOPMENT & TECHNICAL ACADEMY

No. 75&76, Lorong Perak 22, Sri Mergong Industrial Park,  
05150 Alor Star, Kedah.

Tel: 604 - 731 4308 / 012 - 475 5078 (Ms. Tan Fee Yean)

Faks: 604 - 730 3308

E-mel: [enquiry@savecost.com.my](mailto:enquiry@savecost.com.my)

*Peluang Keemasan Jangan Dilepasi*

*Kecerahan Masa Depan Bermula Disini*

**SAVECOST<sup>TM</sup>**

**BUSINESS DEVELOPMENT AND TECHNICAL ACADEMY**

Milik Penuh Oleh :



**LAYAR METRO HOLDINGS SDN. BHD. (564361-M)**

No. 75 & 76, Lorong Perak 22,  
Sri Mergong Industrial Park,  
05150 Alor Star, Kedah Darul Aman.

Tel: 604 - 731 4308

Fax: 604 - 730 3308







## **SENARAI SEMAK**

Sila tandakan ( X ) di ruangan berkenaan bagi menyemak dokumen-dokumen berikut dan pastikan ia lengkap sebelum permohonan tersebut dihantar.

<b>Bil.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TANDAKAN ( X )</b>
1.	Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani.	
2.	Sekeping gambar berukuran pasport yang dilekatkan di borang permohonan.	
3.	Satu (1) salinan kad pengenalan.	
4.	Satu (1) salinan keputusan PMR / SPM / kelayakan akademik yang setaraf (jika ada).	
5.	Satu (1) salinan sijil-sijil akademik yang berkaitan (jika ada).	
6.	Surat asal kelulusan/perakuan/pengesahan/pelepasan daripada majikan bagi mereka yang mempunyai pengalaman kerja (jika ada).	

### **PENTING:**

1. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di atas tidak akan diproses dan dipertimbangkan.

Sila hantar borang permohonan yang telah lengkap kepada:

**Principal of Academy  
SAVECOST BUSINESS DEVELOPMENT & TECHNICAL ACADEMY  
No. 75 & 76, Lorong Perak 22,  
Sri Mergong Industrial Park,  
05150 Alor Star,  
Kedah Darul Aman.**